



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 20/2012 (13 hingga 19 Mei 2012)

Pada minggu ke-20 tahun 2012 iaitu bagi tempoh 13 hingga 19 Mei, sejumlah 405 kes demam Denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 12 kes (3%) berbanding 393 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Terdapat 10 buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya meningkat sebanyak 7 kes (37%), Sabah 6 kes (86%), Kelantan 5 kes (39%), Pahang 4 kes (57%), Kedah 3 kes (19%), Pulau Pinang 3 (17%), Melaka 2 kes (29%), Perak 2 kes (11%), Sarawak 2 kes (10%) dan Negeri Sembilan meningkat 1 kes (10%).

Jumlah terkumpul kes Denggi dari Januari sehingga 19 Mei 2012 adalah 9,607, peningkatan sebanyak 21% atau 1,644 kes berbanding dengan 7,963 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2011. Kes kematian akibat Denggi juga meningkat sebanyak 67% atau 8 kematian, di mana terdapat 20 kematian bagi tahun 2012 berbanding 12 dalam tempoh yang sama pada tahun 2011.

Pada tempoh yang sama, sejumlah 91 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 15 daerah dengan dua (2) lokaliti *hot spots* dilaporkan berlaku pada minggu ini iaitu di Taman Mulia (Jalan Budiman) zon Cheras (9 kes) dan Bandar Baru Sentul (Melur Apartment)(10 kes) di parlimen Batu, WP Kuala Lumpur. Hasil pemantauan KKM mendapati, WP Kuala Lumpur dan empat (4) daerah di Selangor iaitu Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak telah mempunyai lokaliti wabak sejak dari awal Januari tahun 2012 dan sehingga kini, ia menyumbang kepada 82% daripada keseluruhan jumlah lokaliti wabak di seluruh negara. Oleh itu peranan masyarakat di setiap kawasan bermasalah Denggi amat penting di dalam usaha untuk membanteras demam Denggi. Adalah menjadi tanggungjawab semua masyarakat untuk mencari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes di sekitar kediaman, melibatkan diri dalam aktiviti gotong royong yang dianjurkan, memberi kerjasama yang baik kepada anggota kesihatan apabila Pemeriksaan Pembiakan Aedes dilakukan di rumah serta membenarkan semburan kabus dijalankan di persekitaran rumah apabila berlakunya kejadian kes Denggi di kawasan mereka.

Bagi menangani wabak Denggi secara bersepadu di seluruh negara, Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan perlu digerakkan sepenuhnya. Semua agensi yang terlibat perlu memainkan peranan melalui bidang kerja masing-masing bagi memastikan keadaan persekitaran di daerah sentiasa bersih dan bebas daripada tempat pembiakan Aedes atau tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes. Kerjasama antara pelbagai agensi dalam menggerakkan seluruh masyarakat setempat untuk bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran merupakan

satu budaya yang sangat baik dan perlu sentiasa dipupuk. Ini dapat memastikan kejadian wabak Denggi dapat dibendung dari terus merebak dan mencegah berlakunya wabak-wabak baru, seterusnya mewujudkan komuniti bebas Aedes.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 Mei 2012

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 20/2012  
(13 hingga 19 Mei 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 20/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 20/2011
		Minggu 20 (13 – 19 Mei 2012)	Minggu 19 (6 – 12 Mei 2012)		
1	Perlis	1	3	77	27
2	Kedah	19	16	329 (1)	189
3	P. Pinang	21	18	353 (1)	746 (1)
4	Perak	20	18	645 (1)	497 (1)
5	Selangor	186	202	4,347 (10)	2,949 (3)
6	WPKL & Putrajaya	26	19	1,001 (3)	659
7	N. Sembilan	11	10	176 (1)	307
8	Melaka	9	7	264	181
9	Johor	36	36	668 (1)	773 (4)
10	Pahang	11	7	291 (1)	392 (1)
11	Terengganu	12	17	339	320 (1)
12	Kelantan	18	13	507	279 (1)
13	Sarawak	22	20	415	433
14	Sabah	13	7	188 (1)	206
15	WP Labuan	0	0	7	5
	<b>MALAYSIA</b>	<b>405</b>	<b>393</b>	<b>9,607 (20)</b>	<b>7,963 (12)</b>

Nota: ( ) Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU  
20 BAGI TAHUN 2012**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	WPKL	Cheras	Taman Mulia (Jalan Budiman)	9	42
2	WPKL	Parlimen Batu	Bandar Baru sentul (Melur Apartment)	10	35